



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**ACARA PENGLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN COMPREHENSIVE AND
PROGRESSIVE AGREEMENT FOR TRANS-PACIFIC PARTNERSHIP**

BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI DARUSSALAM

24 JULAI 2024

-
1. Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan acara penglibatan pihak berkepentingan (stakeholder engagement) dengan kerjasama Hal Ehwal Global Kanada dan Jabatan Perniagaan dan Perdagangan, United Kingdom. Acara tersebut telah dihadiri oleh wakil-wakil daripada sektor swasta, agensi kerajaan dan Pegawai-Pegawai Kanan dan delegasi daripada negara-negara ahli CPTPP.
 2. Acara tersebut bertujuan untuk menyediakan platform bagi memberigakan dan mempromosikan kegunaan Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP), beserta menyediakan peluang rangkaian bagi syarikat dan agensi yang telah hadir.
 3. Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, dalam ucapan alu-aluannya menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam merupakan penyokong besar terhadap sistem perdagangan pelbagai hala berasaskan peraturan yang mana perdagangan bebas dan terbuka akan sentiasa menjadi strategi utama dalam usaha mempelbagaikan ekonomi Negara Brunei Darussalam. Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Amin Liew bin Abdullah juga mengambil maklum akan penggunaan yang positif bagi perjanjian tersebut khususnya dari segi memberi peluang eksport bagi Negara Brunei Darussalam ke pasaran Baharu di Amerika Latin, termasuk Chile, Mexico dan Peru.
 4. Manakala Bruce Christie, Penolong Timbalan Menteri bagi Dasar dan Rundingan Perdagangan, Hal Ehwal Global Kanada dan Pengerusi Mesyuarat Pegawai Kanan CPTPP



2024 melalui ucapan alu-aluannya telah menekankan kepentingan dalam melibatkan perniagaan-perniagaan untuk mendapatkan kesimpulan mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh industri dan seterusnya, membentuk dasar perdagangan yang dapat membantu meningkatkan daya saing dan pertumbuhan ekonomi. Bruce Christine juga berharap bahawa acara yang telah diadakan pada hari ini dapat memperluaskan penggunaan CPTPP, dimana ia merupakan salah satu keutamaan Kanada selaku pengerusi bagi tahun 2024.

5. Beberapa taklimat telah diadakan semasa acara tersebut. Yang Mulia Puan Nor Zerlina binti Haji Momin, Pengarah Bahagian Perdagangan, MOFE, telah membentangkan gambaran ringkas mengenai CPTPP termasuk perspektif Negara Brunei Darussalam mengenai perjanjian tersebut. Manakala Pirkko Penttila, Setiausaha Pertama, Dasar Perdagangan, Kedutaan Kanada ke Jepun, membentangkan peluang akses pasaran untuk perniagaan melalui kadar tarif yang lebih rendah di bawah CPTPP dan Rob Cook, Timbalan Pengarah, Jabatan Perniagaan dan Perdagangan, UK dan Timbalan Pegawai Kanan CPTPP menekankan melalui pembentangannya mengenai penumpuaan CPTPP terhadap meliberalisasi dan memudahkan perdagangan dalam perkhidmatan dan memastikan promosi dan perlindungan pelaburan di kalangan ahlinya.
6. Seterusnya, semasa perbincangan yang dikendalikan oleh Darren Smith, Pengarah Eksekutif, Dasar Perdagangan dan Rundingan (Asia), Hal Ehwal Global Kanada, Yang Mulia Hajah Nur Raihan binti Dato Paduka Haji Mohd Rosli, Pemangku Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI) telah mengongsikan pengalaman dan pandangan mengenai penggunaan peruntukan CPTPP apabila mengeksport ke beberapa ahli ekonomi CPTPP.
7. Yang Mulia Puan Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), MOFE dalam ucapan penutupnya menyatakan bahawa CPTPP akan dapat memberi peluang yang luas bagi perdagangan dan pelaburan terutamanya melalui akses kepada dan dari pasaran baharu seperti Kanada, Chile, Peru dan Mexico dan akan datang – United Kingdom. Acara hari ini diharap dapat memberi peluang untuk bertukar pandangan daripada komuniti perniagaan mengenai kegunaan dan penambahbaikan mengenai perjanjian berkenaan.



8. Untuk pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai CPTPP, orang ramai dialu-alukan untuk mengakses laman web berikut: bruneitrade.mofe.gov.bn.

-TAMAT-

Disediakan oleh: Bahagian Perdagangan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

E-mel: BruneiCPTPP@mofe.gov.bn

Rujukan: KKW/TD/CPTPP:4

Tarikh: 24hb Julai 2024